

## Analisis Naratif Remaja Melayu dalam Filmografi Terpilih Ahmad Idham

DRS. BAMBANG SUHARTONO MOHD SAID

WAN AMIZAH WAN MAHMUD

BADRUL REDZUAN ABU HASSAN

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan perspektif pengarah Ahmad Idham dalam merekayasa keremajaan generasi Melayu sebagai golongan yang terperangkap dengan keindahan, kepalsuan dan kemaksiatan dalam arus kemodenan negara ini. Ahmad Idham mengilustrasikan naratif kebobrokan generasi ini dengan mencapai kejayaan ‘pecah panggung’ yang silih berganti. Ini menimbulkan perspektif yang menstereotaip beliau sebagai hedonis tanpa ajaran Islam dan akhlak keMelayuan. Tujuan makalah ini meneroka dengan lebih dalam sejauh manakah ambivalen filmografi Ahmad Idham dalam konteks representasi isu-isu remaja Melayu kontemporari. Apakah terdapat suatu falsafah yang dipegang oleh pengarah ini? Bertolak dari kerangka representasi budaya, kajian ini akan memfokuskan empat buah filem arahan Ahmad Idham sebagai sampel kajian *Syurga Cinta* (2009), *Aku Masih Dara* (2010), *Adnan Sempit* (2010) dan *8 Jam* (2012) menggunakan kaedah analisis tekstual dan kaedah temu bual mendalam. Hasil daptatan utama menuntaskan naratif popular dan picisan beliau dijulang oleh khalayak majoriti Melayu, Ahmad Idham sebenarnya membongkarkan strategi psikologi terbalik yang diterapkan ke atas filmografi terpilihnya kerana ia mahu mendorong falsafah realis sosialis menjadi benteng dan gagasan sosio-religi sinematik yang bernilai kepada masyarakat dan negara. Implikasi dari keputusan memilih untuk menyantuni kemelut sosial remaja Melayu Islam di negara ini dapat dijadikan petunjuk betapa kefalsafahan Ahmad Idham sebagai seorang pengarah berfahaman realis sosial adalah jelas.

**Kata kunci:** *Ahmad Idham, pecah panggung, realis sosial, representasi kebudayaan, remaja Melayu.*

## Narrative Analysis of Malay Youths in Ahmad Idham's Selected Filmography

### ABSTRACT

This article discusses Ahmad Idham's directorial perspective in manipulating young Malays as an exploited generation who are besotted, stupefied and corrupted with the state's so-called modernity. Ahmad Idham would have deftly illustrated their pathetic narrative, to his credit, with a series of box-office successes. The consequence of his achievement had been somewhat viewed as hedonism by critics and the public whose derogatory remarks against him by conservative Muslims and Malays. The article aims at exploring to what extent the sense of ambivalence invoked by the selected filmography in the context of the representation of contemporary Malay youth issues? What, if so, would be the philosophical trajectory held on by this filmmaker? Departing from cultural representation, our study selected four films, *Syurga Cinta* (2009), *Aku Masih Dara* (2010), *Adnan Sempit* (2010) and *8 Jam* (2012), and deployed a textual and in-depth interview method of analysis. The main finding highlights the popular reception of seemingly unscrupulous narratives by predominant Malay audience, but what is interesting, as Ahmad Idham unravelled, is the psychological reverse strategy which he applied upon his films for it was his design to drive social realism philosophy as socio-religious cinematic ethos which is valuable to the society and nation. The implication of emphasising Malay Moslem youth social themes has highlighted Ahmad Idham's philosophical standpoint on his commitment as a social realist filmmaker.

**Keywords:** *Ahmad Idham, box office, cultural representation, social realism, Malay youth.*

## PENDAHULUAN

Klasifikasi filem sebagai komoditi ekonomi secara mutlak pasti akan tidak dipersetujui oleh sesetengah karyawan filem yang melihat filem sebagai medium mereka untuk berkarya, berekspresi mahupun mengupas permasalahan sosial semasa (Jins Samsudin, 2014). Filem-filem yang mendapat pungutan tertinggi di Malaysia amat sukar untuk digolongkan dalam kategori karya besar. Justeru, sarjana dan pengarah filem seperti Hatta Azad Khan (2010) berpendapat bahawa, '*bestseller, top grosser* dan *award winner*' adalah antara ciri karya besar filem. Kejayaan dan kepuasan pengarah berkarya yang lebih mengutamakan kutipan 'pecah panggung' dianggap sebagai suatu prinsip yang dianggap kurang beretika (Rahimin Affandi, 2012). Sifat filem itu pastinya menimbulkan '*conflict of interest*' dalam hal ini. Apabila ia bersifat sebagai sebuah produk seni, pastinya kadangkala berlaku percanggahan dengan kehendak pasaran semasa yang lebih berorientasi budaya popular.

Sebenarnya, filem harus menjelaskan fungsinya sebagai medium pendidikan normatif dan produk seni yang erat dengan sifat budaya dan tamadun manusia yang turut berubah-ubah dari masa ke masa. Industri perfileman merupakan sebuah industri yang berkaitan secara langsung dengan bidang kesenian, ideologi, keagamaan, kemanusiaan serta representasi ketamadunan dan peradaban sesuatu bangsa (Azharul, 2010). Filem perlu melibatkan proses pembudayaan, sosiologi dan psikologi bangsa, juga mencerminkan budaya yang memancarkan peribadi suatu bangsa. Sebuah filem dapat menggambarkan sudut pandangan seterusnya ideologi pembikinnya tentang kehidupan. Sewajarnya, penerbit dan pembikin filem perlu bijak dan teliti dalam memahami dan memilih fakta yang betul agar menarik sebelum dipersembahkan ke layar skrin. Sehubungan dengan hal ini, pembikin filem harus mempunyai rasional memilih kandungan naratif filem mereka agar dapat menyumbang impak yang positif terhadap perkembangan psikososial penonton serta keperluan generasi baharu. Pemilihan filem hendaklah melalui proses yang teliti sebelum ditayangkan di pawagam agar dapat menghibur sambil mendidik (Mohd Nazri & Nor Raudah, 2019).

Hasil kerja seorang pengarah filem tempatan sewajarnya mampu menggambarkan kepelbagai etnik yang merupakan suatu keunikan di negara kita. Dengan cara ini, filem tempatan mampu berfungsi sebagai pemangkin semangat perpaduan bangsa seterusnya aset promosi nasionalisme dan patriotisme yang dapat mengharumkan imej negara. Ia merupakan suatu pembuktian bahawa filem mereka mempunyai kualiti dan mengandungi idealisme yang bermakna kepada masyarakat (Haroon, 2020). Pengarah filem yang memiliki kejayaan industri perfileman tempatan bukan hanya merujuk pada pencapaian statistik 'keuntungan' tetapi kerana mereka juga peka dengan isu-isu sosial semasa yang jelas signifikannya dengan pembinaan mentaliti dan minda masyarakat. Filem-filem bertemakan remaja, isu yang sering timbul ialah kebanyakkan filem genre remaja masih tidak menggambarkan kehidupan remaja secara tepat kerana kebanyakannya hanya memaparkan 'perkara-perkara remeh dalam kehidupan remaja sehari-hari' (Driscoll, 2011). Dalam hal ini, pembikin filem perlu sensitif dan teliti terhadap isu dan persoalan remaja yang disajikan dalam filem mereka agar tidak disalah tafsirkan oleh para penonton umumnya dan remaja khususnya.

## AHMAD IDHAM DAN NARATIF REMAJA MELAYU

Dalam hal yang berkaitan dengan filem-filem tema naratif remaja di Malaysia, muncul pengarah muda, Ahmad Idham yang mulai dikenali setelah filem "*Rempit*" (2006). Filem tersebut berjaya sebagai filem pecah panggung dengan kutipannya sebanyak RM4 Juta, namun menimbulkan pelbagai kontroversi. Berdasarkan filmografinya, beliau telah memperlihatkan kecenderungannya untuk memaparkan isu remaja terkini yang hangat

dibicarakan dalam masyarakat sebagai tarikan dalam naratif filem-filem arahannya dan menyampaikannya dengan cara beliau sendiri. Beliau juga terlihat masih kebal dengan gaya narasi atau paparan sinematiknya yang hampir sama dalam setiap filem arahannya. Ahmad Idham merupakan salah seorang pengarah filem tempatan yang sering berhadapan dengan kontroversi, setelah filem “*Rempit*” (2006) berjaya sebagai filem pecah panggung dengan kutipannya sebanyak RM4 Juta. Sehingga tahun 2012, melalui 8 filem arahannya beliau berjaya mendapat kutipan dengan jumlah RM47.03 juta (sumber: <http://www.finas.gov.my>). Berdasarkan filmografinya, beliau telah memperlihatkan kecenderungannya untuk merepresentasikan isu remaja Melayu terkini yang hangat dibicarakan dalam masyarakat sebagai tarikan dalam naratif filem-filem arahannya untuk mensasarkan kutipan ‘pecah panggung’.

Isu pengarahan Ahmad Idham sering dikaitkan dengan aksi-aksi isu remaja Melayu yang lebih banyak memberikan impak negatif kepada remaja khususnya. Filem-filem beliau dianggap tidak mampu mengupas isu remaja Melayu dengan jelas dan baik kerana isu yang dijadikan tajuk dan naratif cerita tentang golongan *mat rempit*, pondan dan *bohsia* seolah-olah memuliakan golongan tersebut. Persoalan yang didedahkan tidak menghasilkan keputusan diharapkan, sebaliknya menyebabkan keadaan semakin tidak terkawal (Hasliza; 23 Julai 2009). Namun begitu, rasional Ahmad Idham yang cenderung merepresentasikan isu remaja Melayu Malaysia masih tidak jelas, malah representasi tersebut dianggap oleh masyarakat dilakarkan secara ambivalen dalam filmografinya.

Mengapa Ahmad Idham cenderung untuk merepresentasikan isu remaja Melayu sebagai naratif filem-filem arahannya? Sebagai pemain industri yang mempunyai kepelbagaiannya pengalaman dalam proses penerbitan sebuah filem, filmografi Ahmad Idham perlu dikaji dengan lebih mendalam, untuk memahami pemikiran beliau seterusnya sumbangannya kepada perkembangan perfileman tempatan. Dengan kata lain, kajian terhadap filmografinya yang dihasilkan selama lebih 20 tahun itu, wajar dikaji untuk memperjelaskan wawasannya seterusnya citra beliau sebagai pembikin filem kepada masyarakat. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dan mengenal pasti kesahihan bukti-bukti media objek, pengalaman atau realiti peristiwa dalam masyarakat yang berkaitan dengan naratif dan narasi isu remaja dalam filmografi Ahmad Idham. Kajian ini akan memfokuskan representasi isu remaja dalam empat buah filem arahan Ahmad Idham berdasarkan empat genre filem remaja iaitu; genre romantik “*Syurga Cinta*” (2009), genre drama-romantik iaitu “*Aku Masih Dara*” (2010), genre aksi komedi “*Adnan Sempit*” (2010) dan genre aksi psikologi “*8 Jam*” (2012).

## SOROTAN LITERATUR

### a. *Realis Sosial dan Representasi*

Menurut Hall (1997) filem merupakan representasi realiti sosial yang merupakan jendela untuk memahami ‘seperti apa’ dan ‘bagaimana ia berfungsi’ menyampaikan tentang sesuatu realiti. Citra dan naratif dari sebuah filem adalah jendela yang cukup signifikan untuk melihat dan memahami realiti sosial yang terjadi pada ruang dan kurun waktu tertentu serta memahami isu-isu atau perubahan-perubahan sosial yang terjadi di dalam masyarakat. Menurut Kellner (2009), sebagai sebuah sistem representasi, filem adalah entiti yang diproduksi sebagai sebuah sebuah teks sosial yang selalu memiliki perkaitan dengan konteks sosial budaya ideologi dan gaya hidup sosial. Pembikinan filem adalah kerangka realiti dengan subjektivitinya yang dipengaruhi oleh budaya dan masyarakatnya.

Menurut Noviani (2011), filem juga merupakan teks sosial yang merakam dan seterusnya memaparkan tentang liku-liku dan kepelbagaian situasi serta peristiwa kehidupan masyarakat pada waktu filem tersebut diproduksi. Citra dan naratif dari sebuah filem adalah jendela yang cukup signifikan untuk melihat dan memahami realiti sosial yang terjadi pada ruang dan kurun waktu tertentu. Apa yang dipaparkan oleh filem, merupakan representasi realiti sosial untuk melihat dan memahami isu-isu atau perubahan-perubahan sosial yang terjadi di dalam masyarakat. Dengan kata lain, filem berperanan sebagai medium untuk memaparkan persoalan yang timbul dalam kehidupan meskipun sedikit sebanyak mengganggu persepsi terhadap realiti dan bahawa 'pengasingan' sebenarnya mesti dicari secara artistik.

'Realis sosial' ialah istilah diskursif yang digunakan oleh pengkritik dan pengulas filem untuk menggambarkan filem yang bertujuan untuk menunjukkan kesan faktor persekitaran terhadap perkembangan sahsiah melalui gambaran yang menekankan hubungan antara lokasi dan identiti (Hallam & Marshment, 2000, hlm.184). Seseorang yang bersikap 'realis sosial' dalam industri filem memiliki keinginan untuk mencipta 'realiti ilusi' dalam filem untuk membuatkan penontonnya melupakan hakikat bahawa mereka sedang menonton filem dan cuba membawa kehidupan sebenar ke dalam filem (Soemanto; 1999 dalam Mohamad Syafiq & Mohd Syuhaidi, 2021). Langkjær (2011) mengatakan bahawa seseorang yang 'realis sosial' akan berkarya menghasilkan suatu representasi visual yang ada persamaan dengan realiti yang semula jadi dan fenomena dalam dunia seharian. Dengan kata lain, medium filem menyesuaikan dirinya dengan mekanisme persepsi dan psikologi manusia. Kesannya ialah pengalaman realisme persepsi, atau apa yang Joseph Anderson istilahkan sebagai 'realiti ilusi' (Anderson, 1996 dalam Langkajaer, 2011). Istilah lain untuk 'realiti ilusi' ialah 'kesan realiti'. Seseorang pembikin filem yang mempunyai prinsip 'realis sosial' akan menghasilkan filem yang bertujuan untuk menarik perhatian kepada situasi sosio-politik sebenar dan dalam masa yang sama memberikan mesej moral pada akhir naratif sebagai kritikan terhadap situasi sosio-politik tersebut.

Menurut Wiley (2003) isu sosial sejak dulu terpampang di layar perak. Pembikin filem seperti George Tucker, Frank Powell, dan terutamanya D.W. Griffith mencipta filem yang berkaitan dengan pelbagai isu sosial seperti hak wanita, perceraian, perkauman, dan kemiskinan. Terdapat filem yang memaparkan isu sosial sebagai fokus utama, namun ramai pengkritik, penonton dan orang industri mengatakan bahawa mesanya masih kabur dan negatif. Filem isu sosial masih dianggap bukan penyelesaian untuk menangani isu sosial, tetapi lebih sebagai alat untuk menggalakkan perbincangan dan pemikiran tentang sesuatu isu. Burton (2005), merumuskan bahawa representasi ialah pembentukan makna berdasarkan subjek representasi daripada seorang individu kepada individu yang lain. Representasi adalah sesuatu tentang kita dan orang lain. Identiti mempunyai banyak faktor, baik dari segi fizikal maupun dalaman. Identiti boleh dilihat melalui 'makna' yang merujuk kepada andaian tentang personaliti, emosi, kepercayaan, sikap, dan nilai. Henderson (2007) memperlihatkan bahawa filem berkomunikasi dengan masyarakat umumnya dan penonton khususnya untuk menyampaikan mesej tentang dunia yang berkaitan dengan masalah sosial yang penting. Ia juga merupakan tapak perjuangan untuk kumpulan yang berbeza dalam masyarakat untuk meneroka perubahan sosial dan budaya secara lebih luas.

Dengan kata lain, representasi isu sosial yang dipaparkan dalam sesebuah filem adalah sebagai bahan perbincangan dalam menentukan wawasan tentang hala tuju sesebuah masyarakat. Representasi dalam filem tidak semestinya nyata, tetapi ia juga boleh menunjukkan mimpi atau dunia fantasi dan idea abstrak yang masih boleh dicerna oleh fikiran

manusia. Filem menawarkan representasi visual dalam bentuk naratif peribadi dan bertujuan untuk memotivasi penonton amnya. Melalui proses menonton, penonton selalunya akan mengaitkan cerita dengan pengalaman dan pengetahuan yang mereka mesti mencipta pemahaman baharu tentang sesuatu perkara. Dialog, pencahayaan, sudut tangkapan, kesan bunyi, skor muzik, dan watak dalam filem seharusnya mampu menjadi inspirasi dalam memberikan pengaruh yang signifikan untuk penyelesaian masalah remaja (Utomo & Sholihah, 2021).

*b. Kajian Lepas tentang Filmografi Ahmad Idham*

Representasi isu-isu sosial golongan remaja Melayu di Malaysia dalam filmografi Ahmad Idham sepanjang tahun 2009 hingga 2013 telah dikaji dan dibahas oleh beberapa pengkaji tempatan. Kebanyakan pengkaji melihat kecenderungan Ahmad Idham mengetengahkan naratif isu remaja masih dalam bentuk yang streotaip. Nurul Mariyah (2007), dalam kajiannya mengupas tentang isu representasi terhadap remaja Melayu dalam masalah sosial Mat Rempit di dalam filem. Kajian ini turut memperlihat kajian terhadap representasi tingkah laku dan imej remaja Melayu yang boleh ditonton sebagaimana yang telah divisualkan dalam filem “*Remp-it*”. Tingkah laku yang dikupas adalah berkaitan dengan imej remaja Melayu secara langsung dengan menggunakan pendekatan Teori Psikoanalitik dan Teori Representasi. Kedua-dua teori ini digunakan bagi membantu mencari jawapan kepada representasi Remaja Melayu dalam masalah sosial Mat Rempit.

Ayu Haswida (2015), dalam kajiannya “*Konsep Tema ‘Islamik’ dalam ‘Filem Islamik’ Syurga Cinta (2009)*” mendapati watak Irham digambarkan sebagai suatu representasi remaja Melayu lelaki bernama Irham anak orang kaya, kaki perempuan dan handal dalam hal memikat perempuan. Namun begitu, cabaran pertaruhan wang RM5,000 oleh rakan-rakan Irham untuk memikat Cikgu Syuhada seorang gadis berkepribadian Muslimah akhirnya berubah menjadi suatu proses motivasi pencarian diri dalam watak Irham. Situasi ini berlaku akibat kesan dan tindak balas Irham terhadap watak dan perwatakan Cikgu Syuhada yang kuat pegangan agamanya hasil didikan datuknya. Pada bahagian akhir cerita, keegoan Irham lebur, apabila Irham akur dengan perasaan cintanya pada Cikgu Syuhada. Konsep jodoh dari Allah ini merupakan idea universal yang dikupas melalui melalui dilema intelektual super ego lelaki berpemikiran barat yang memandang rendah dan kolot terhadap perempuan bertudung. Dilema intelektual ini merupakan permasalahan tipikal (klise) pada masyarakat Melayu urban dan moden. Dengan ini, keegoan Irham berfungsi sebagai antagonis cerita.

Dalam kajian Suhailah (2018) bertajuk “*Kesan Filem Remp-It terhadap Pembentukan Akhlak dan Kesannya dalam Pembentukan Modal Insan di Malaysia*” berpendapat tatacara pemakaian yang ditonjolkan di dalam babak ini juga tidak selari dengan syariat Islam. Selain itu, kesan dari pergaulan lelaki dan perempuan secara bebas dapat dilihat apabila seorang lelaki hendak melakukan zina dengan seorang wanita. Juga dapat dilihat bahawa terdapat banyak perkara mazmumah di dalam filem tersebut. Filem-filem seperti ini antara penyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Rentetan daripada filem tersebut, dapat disimpulkan bahawa kronologi dan elemen yang ditunjukkan adalah tidak membantu dalam proses pembentukan modal insan kerana ia jelas menunjukkan budaya-budaya mazmumah tersebut hanya untuk mencapai kepuasan diri, bukan untuk mendidik pemikiran masyarakat dalam membina karakter modal insan.

Suhailah (2018) turut membahaskan tentang pendedahan dalam filem yang penuh dengan aktiviti agresif dan kekerasan akan menyebabkan sesetengah golongan muda khususnya cenderung untuk tertarik dan cuba mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Namun begitu dari segi positifnya, aktiviti agresif di dalam media, contohnya tingkah laku pergaduhan akan mudah disimpan di dalam sistem kognitif dan kesannya penonton tersebut akan sentiasa berwaspada terhadap persekitaran. Beliau merumuskan bahawa hiburan adalah keperluan, tetapi jika tidak dikawal ianya akan memberi kesan yang buruk terhadap pembentukan jiwa, pemikiran dan juga tingkah laku.

Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz (2013), dalam kajiannya terhadap filem “*Senjakala*” melihat kepada ideologi dan makna, serta konstruksi hubungan wanita dan saka dalam filem seram. Filem ini menunjukkan bahawa pengambilan saka adalah untuk menjaga keturunan. Hal ini jelas dipaparkan dalam babak ketika watak Karlisa hampir dilanggar lori, beliau diselamatkan oleh watak Arman, iaitu pemegang amanah saka keluarga Karlisa ketika itu. Watak-watak wanita dalam filem tersebut direpresentasikan sebagai *abjection* melalui hubungan langsung dengan saka. Selain itu, sistem binari masyarakat yang meletakkan wanita sebagai bersifat emosional dan lelaki rasional juga menyebabkan mereka dikaitkan dengan *abjection*. Sifat emosional ini juga menjadikan mereka sukar untuk melupakan sesuatu kejadian tragis dalam hidup mereka. Menurut Azlina dan Jamaludin (2013) filem “*Senjakala*”, wanita dan saka mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep *abjection* yang diketengahkan oleh Julia Kristeva. Kristeva memandang *abjection* ini penting kerana bagi beliau tidak semua perkara di dalam dunia ini adalah seimbang dan stabil seperti yang diperkatakan oleh ideologi maskulin. Ringkasnya, ideologi genre filem seram Malaysia ini sendiri memerangkap wanita dari menjadi bebas sebagai seorang wanita.

Berdasarkan kajian-kajian yang dibincangkan di atas, tumpuan dan pembahasan representasi isu remaja Melayu masih berlebar tentang watak dan perwatakan remaja Melayu dalam filem-filem kajian mereka. Belum ada kupasan secara mendalam tentang kesahihan isu remaja Melayu terjadi di Malaysia serta pembahasan tentang kecenderungan dan rasional Ahmad Idham memaparkan watak dan perwatakan remaja Melayu tersebut dalam keterkaitannya dengan isu remaja Melayu di Malaysia. Hal ini merupakan kelompongan kajian yang pengkaji kupas dalam makalah ini.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan menganalisis teks sebagai kaedah kajian utama diikuti kaedah temubual serta pengumpulan data sekunder sebagai pendekatan tambahan. Kaedah yang pertama adalah dengan menganalisis tekstual iaitu kandungan naratif filem berdasarkan dialog-dialog watak dalam empat filem kajian. Analisis dokumen dilaksanakan secara kritis terhadap logika dan hubungan sebab akibat antara watak-watak remaja Melayu dalam filmografi Ahmad Idham sehingga wujudnya citra realis Ahmad Idham sebagai pengarahnya. Kaedah temubual bersama Ahmad Idham juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan melibatkan tiga orang informan sebagai kaedah kajian utama. Informan A adalah pengarah fotografi yang terlibat dengan filem-filem arahan Ahmad Idham. Informan B merupakan tokoh akademik dalam bidang perfilman dan Informan C yang merupakan pengkritik filem tempatan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan dan perbincangan dalam kajian ini menyajikan hasil analisis terhadap persoalan tentang kecenderungan Ahmad Idham sebagai pengarah ‘pecah panggung’, keterkaitan representasi isu remaja Melayu dengan isu semasa di Malaysia dan seterusnya bukti-bukti yang memperlihatkan beliau menonjolkan citra realis sosial melalui paparan naratif filmografinya.

### a. *Ahmad Idham dan Filem-Filem ‘Pecah Panggung’*

Berdasarkan daripada hasil temu bual mendalam, terdapat beberapa kenyataan yang membuktikan bahawa kecenderungan pemilihan tema tentang isu-isu remaja Melayu dalam filem-filem arahan Ahmad Idham memang untuk mensasarkan pasaran. Menurut Ahmad Idham (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), beliau mencontohi prinsip pengarah Aziz M. Osman dan Datuk Yusuf Haslam untuk menghasilkan filem-filem yang lebih bertemakan pada remaja Melayu yang dianggap ‘trend’ dan juga sedang hangat menjadi perbincangan dalam media cetak dan elektronik. Tema tersebut juga dianggapnya sesuai dengan populasi penonton yang kebanyakannya adalah remaja Melayu.

Penyataan beliau disokong oleh Informan B dan Informan C dan bahawa berdasarkan keempat-empat filem Ahmad Idham yang dikaji, terlihat pemilihan tema isu remaja adalah sebagai pertimbangan pasaran produknya. Isu remaja dianggap boleh menghasilkan kutipan tinggi dan menguntungkan penerbitnya. Menurut Informan B (komunikasi peribadi, Julai 23, 2020), atas rasional penonton filem itu majoritinya adalah anak-anak muda, Ahmad Idham perlu mengangkat isu-isu remaja Melayu kerana remaja Melayu adalah pasaran terbesar dalam industri filem dan kecenderungannya tunduk pada pasaran dan banyak kompromi kepada pasaran. Menurut Informan C (komunikasi peribadi, Ogos 2, 2020), hal itu merupakan suatu kelebihan dan strategi Ahmad Idham untuk menguasai pasaran, dengan mengangkat isu remaja Melayu untuk diketengahkan.

Terdapat beberapa bukti yang memperlihatkan paparan isu remaja Melayu dalam filmografinya. Isu-isu remaja yang diketengahkan oleh Ahmad Idham adalah tentang isu yang sedang hangat di Media. Menurut Ahmad Idham (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), antara sebab beliau menghasilkan filem adalah kerana isu yang sedang hangat di media cetak dan elektronik. Menurutnya lagi pemilihan isu-isu yang sedang hangat, adalah untuk memenuhi keinginan penonton datang menonton serta mensasarkan penonton yang ramai.

Menurut Informan B (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), isu yang hangat di media massa dan sedang hangat dalam perbincangan masyarakat sangat mempengaruhi ambisi Ahmad Idham untuk menghasilkan filem. Penyataan ini membuktikan bahawa Informan A dan Ahmad Idham yang pernah bekerjasama dalam beberapa produksi, pilihan isu remaja yang yang sedang hangat di media cetak dan elektronik dipercayai ada tarikan untuk ditonton oleh penonton golongan remaja Melayu. Isu remaja Melayu yang sedang hangat dalam media massa dipilih atas dasar pasaran penonton adalah remaja.

Berdasarkan pernyataan Informan A, B dan Informan C serta Ahmad Idham, terlihat pemilihan tema isu remaja Melayu semasa iaitu tentang keruntuhan akhlak remaja Melayu moden di bandar adalah sebagai pertimbangan pasaran produknya. Isu remaja Melayu dianggap boleh menghasilkan kutipan tinggi dan menguntungkan penerbitnya. Hal ini terbukti dengan kutipan ‘pecah panggung’ *Syurga Cinta* sebanyak RM 2.2 Juta dan *Aku Masih Dara* sebanyak RM 2.05 Juta. Dengan kata lain, kandungan isu remaja Melayu dalam filmografi

Ahmad Idham adalah bersumberkan isu remaja Melayu yang sedang hangat di media massa, dan dipilih atas dasar pasaran penonton atau bersifat komersil.

b. *Ahmad Idham dan Isu-Isu Remaja Melayu*

Berikut adalah beberapa pernyataan para informan yang membuktikan filmografi sangat kental dengan isu remaja Melayu semasa yang sedang hangat di media:

Dia macam ni, selalu apa benda yang saya nak buat dalam filem, saya kena percaya pada isu yang benar-benar boleh diangkat. Saya selalu bincang dengan DOP saya. Pada satu ketika saya banyak dapat isu, dan saya kena pilih, sampai dapat kepercayaan, orang banyak nak tengok isu tu. Sebab tu saya buat filem remaja. Antara sebab saya buat filem tu adalah kerana isu itu sedang hangat di media cetak dan elektronik, jadi saya *spin* jadi filem. Pemilihannya saya tak pernah *plan*. Setiap tahun saya akan tengok dan amati isu semasanya, sebab tu isu-isu dalam filem saya berbeza-beza, sebab saya buat rempit ada beberapa series, sampailah sekarang. Tentang mat motor otai.. dia ada isu-isu lain. Sebab saya memang suka petik isu-isu hangat, adalah untuk set *interest* orang datang tengok filem saya sebanyak mungkin. Kedua sebab saya nak capai *eye ball* sebanyak mungkin (Informan A).

*Real issue* saya bawa ke dalam filem, tapi saya garapkan bukan adaptasikan suatu itu.. tapi *inspired.. most* filem saya sebenarnya adalah tentang apa yang sudah berlaku.. dan kebanyakannya adalah isu remaja. “*Aku Masih Dara*” misalnya.. ada isu tengah berlaku.. saya ‘*pick up*’. “*Adnan Sempit*” tentang mat rempit yang syok sendiri, di jalan raya.. saya nak representasikan sempitnya dunia mat rempit. Saya sendiri ada pengalaman sendiri mat rempit kerja *despatch* .. sebab tu saya ambil watak mat rempit *despatch* (Informan A).

Mana yang sedang hangat masuk *paper*, sedang hangat, dia terus nak buat filem tentang tu (Informan B).

Pernyataan diatas menunjukkan Informan A dan Informan B yang pernah bekerjasama dalam beberapa produksi, membuktikan bahawa isu remaja yang dipilih dan dipaparkan dalam filmografi Ahmad Idham adalah isu remaja yang sedang hangat di media cetak dan elektronik serta dipercayai ada tarikan untuk ditonton oleh penonton golongan remaja. Isu remaja yang sedang hangat dalam media massa dipilih atas dasar pasaran penonton adalah remaja.

Informan A menjelaskan lagi, bahawa sebagai pengarah, dia mencontohi prinsip pengarah Aziz M. Osman dan Datuk Yusuf Haslam untuk menghasilkan filem-filem yang lebih bertemakan pada remaja yang dianggap ‘*trend*’ dan juga sedang hangat menjadi perbincangan dalam media cetak dan elektronik. Tema tersebut juga dianggapnya sesuai dengan populasi penonton yang kebanyakannya adalah remaja. Berikut adalah kutipan pandangan Informan A:

Pada awalnya, saya ikut trend. Falsafah saya “kalau nak masuk gelanggang jangan lawan arus, nanti penat”. Saya letakkan paksi Aziz M. Osman dan Datuk Yusuf yang telah sukses. Saya mula berkarya atas trek pada masa itu, saya

hasilkan filem-filem seperti “*Remp-it*” sebab saya nampak populasi penonton adalah masyarakat remaja. Saya suka trend, saya suka isu-isu masyarakat yang ada dalam media cetak dan elektronik (Informan A).

Penyataan Informan A disokong oleh Informan C, bahawa berdasarkan keempat-empat filem Ahmad Idham yang dikaji, terlihat pemilihan tema isu remaja semasa adalah sebagai pertimbangan pasaran produknya. Isu remaja dianggap boleh menghasilkan kutipan tinggi dan menguntungkan penerbitnya.

Pernyataan-pernyataan para informan di atas membuktikan bahawa kandungan isu remaja dalam filmografi Ahmad Idham adalah bersumberkan isu remaja yang sedang hangat di media massa, dan dipilih atas dasar pasaran penonton atau bersifat komersil. Kebanyakannya tentang keruntuhan akhlak remaja Melayu moden di bandar. Dengan kata lain, pendekatan reflektif terhadap isu remaja telah digunakan oleh Ahmad Idham dalam filmografinya yang bertemakan remaja memang berdasarkan isu remaja semasa yang sedang hangat dibincangkan dalam media.

#### *(i) Representasi Isu-Isu Remaja Melayu*

Bahagian ini menyajikan kupasan tentang representasi isu remaja Melayu dalam filmografi Ahmad Idham. Menurut Ahmad Idham (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), *Syurga Cinta* sebenarnya isu remaja yang beliau baca dari surat khabar. Islam dianggap hanya dalam kad pengenalan, tetapi cara kehidupan tidak langsung mengikut sebagai ajaran agama Islam. Dalam filem ini digambarkan setelah berkenalan dengan seorang gadis Islam yang menjalankan syariat Islam, watak remaja lelaki mulai belajar Islam. Terjadi juga perdebatan masyarakat tentang filem ini. Ahmad Idham memaklumkan bahawa beliau mendapat maklumat dari JAKIM kerana banyak kes orang Islam murtad. Hal itu merupakan alasan beliau menghasilkan filem tersebut kerana hendak membuktikan bahawa Islam itu indah dan menyampaikannya dalam dialog-dialog ala-dakwah.

Menurut Ahmad Idham (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), penerbitan filem *Aku Masih Dara* adalah kerana masih ramai dalam masyarakat yang tidak tahu tentang hidup anak remaja yang pergi diskò. Tambah beliau lagi, filem sebenarnya hadir setelah isu remaja ada, agenda alkohol, parti-parti dah lama. Tujuan beliau mengetengahkan isu remaja Melayu tersebut adalah untuk membuka mata masyarakat dan seterusnya untuk turut sama mencari jalan penyelesaiannya. Pandangan Informan A dan Informan B mengupas ‘implikasi’ filem-filem lain:

Begitu juga dengan “*Aku Masih Dara*”, ramai yang tak tahu tentang hidup anak remaja yang pergi diskò. Bagi saya, filem sebenarnya hadir setelah isu remaja ada, agenda alkohol, parti-parti dah lama. Termasuklah filem seram saya, juga membongkar tentang aktiviti dukun hitam. “*Adnan Sempit*” macam saya katakan tadi, tentang remaja rempit yang berfikiran sempit, rumah sempit tapi ada impian nak *boss* dia jadi *girlfriend* dia. Dalam filem ni saya gunakan genre aksi-komedi permotoran. Dan saya jadikan pelakon yang bukan pelawak dan pelakon-pelakon baru untuk dipopularkan iaitu Shaheizy Sam, Intan Lydiana, Yana Samsudin kerana saya tak nak bergantung pada pelakon-pelakon terkenal. “*Adnan Sempit first trial* saya jadikan Shaheizy Sam jadi hero. Lepastu dia jadi terkenal. “*8 Jam*” pula adalah isu remaja yang hidup

dibesarkan di lorong, filem psikologi tentang pemikiran mereka, sehingga sanggup membunuh *girlfriend* sendiri sebab tak nak orang lain dapat *girlfriend* dia. (Informan A).

Bagi saya filem-filem Ahmad Idham masing-masing ada isu remajanya. “*Syurga Cinta*” agak Islamik, banyak yang tersurat dan tersirat tentang remaja Islam. “*Aku Masih Dara*” dah jelas isunya dari tajuknya, yang cuba buka mata remaja tentang status dara. “*Adnan Sempit*” adalah tentang sisi baik sebahagian mat rempit. “*8 Jam*” sangat padat dengan pendedahan psikologi dan kejiwaan remaja yang hidup dalam persekitaran lorong yang hitam (Informan B).

Penyataan para informan menunjukkan bahawa, keempat-empat filem sangat jelas menonjolkan isu remaja Melayu sebagai bahan kandungan naratifnya. Hal ini juga memperlihatkan bahawa kecenderungan Ahmad Idham memilih isu-isu tersebut kerana beranggapan ia merupakan isu semasa yang sangat dekat dengan masyarakat umumnya dan remaja khususnya serta mudah difahami naratifnya apabila disajikan dalam filmografinya.

c. *Citra Realis Sosial Ahmad Idham*

Berdasarkan keempat-empat filem yang dikaji, pengkaji berpendapat bahawa Ahmad Idham telah mempamerkan citra realis sosialnya yang berkaitan dengan krisis identiti, keruntuhan akhlak remaja dan kesan kepada psikologi sekelompok remaja Melayu Islam yang hidup di bandar. Alasan dan rasionalnya adalah seperti berikut:

Saya sebenarnya nak ‘bongkar’ isu-isu remaja yang masyarakat tidak jelas. Dia..kadang-kadang tak dapat dinafikan, apabila filem remaja yang saya *spin* disalah anggap sebab remaja kita ni malas belajar cara tonton filem, sebab tu filem “Remp-it” saya dikecam kerana dikatakan menggalakkan rempit.

Tapi pernah dalam seminar saya tanya pada seorang makcik, tahu tak sebelum ni rempit macam tu? Mereka kata tak, lepas tengok filem tu baru tahu. Jadi saya katakan sebab tu saya buat filem rempit kerana saya nak tunjukkan dan bongkar cara hidup mat rempit yang ibu bapa tak tahu, perwatakan mereka. Tapi itulah *problem* orang kita cepat hukum apa yang mereka tonton. Tapi lepas setahun ditayangkan baru dikatakan filem tu bagus.

Saya suka *trend*, saya suka isu-isu masyarakat yang ada dalam media cetak dan elektronik. Bila ditawarkan jadi pengarah, formula saya adalah untuk seramai mungkin orang datang menonton filem saya. Walaupun lepas buat filem “Remp-it” ada macam-macam cerita, saya ada alasan dengan cara saya sebenarnya adalah untuk ‘membongkar’ aktiviti rempit, supaya orang lebih tahu apa sebab jadi rempit, dan paling penting adalah untuk membuka mata masyarakat ‘betapa hitamnya dunia rempit’.

Jadi untuk tarik minat penonton saya kena buat graf plot yang menarik, dibelai bagi cantik. Kalau ada orang kata saya galakkan remaja untuk rempit, tak kan saya lulus LPF. Saya sebenarnya guna agenda ‘reverse psychology’ bagi

penonton terus menonton sampai hujung cerita yang pada akhirnya mat rempit mati katak, tapi kalau tak tengok hujung cerita tak akan dapat mesej yang nak saya sampaikan. Tapi kalau dah keluar panggung penonton tak dapat juga mesej saya, itu bukan kemampuan saya.

Menurut Ahmad Idham (komunikasi peribadi, Julai 21, 2020), alasan dan rasional beliau memaparkan isu-isu remaja Melayu adalah agar remaja Melayu peka dan dapat membentengkan diri mereka daripada terpengaruh dan terjerumus, seterusnya demi masa depan mereka. Dengan kata lain, filem Ahmad Idham ada mesej kemanusiaannya yang boleh dipelajari oleh penonton dan masyarakat. Interpretasi dan alasan Ahmad Idham memaparkan persekitaran kehidupan sosial dalam memaknai representasi isu remaja juga menggambarkan wawasannya sebagai pengarah. Berikut pandangan para informan terhadap wawasan Ahmad Idham terhadap masa depan remaja. Informan A menyokong ‘falsafah’ Ahmad Idham seperti yang diangkat oleh filem-filem beliau:

Saya akan buat penonton minat dan terus menonton hingga akhir, sampai mereka minat tentang isu remaja tu dan dapat apa mesejnya, jadi saya guna pelbagai teknik. Saya nak penonton banyak nak menonton filem saya. Setakat ni rasanya saya peka dan ambil serius tentang remaja. Selalu mencari isu remaja yang terkini. Bila ada masalah ada isu, kita harap bila bongkar isu itu dalam filem, adalah untuk *future* mereka. Saya nak membantu *future* remaja melalui menonton filem tentang isu-isu semasa. Bongkar isu dan suntik. Langkah masa depan mereka (Informan A).

Penyataan Ahmad Idham di atas memperjelaskan tentang alasan kekerapan beliau memaparkan isu remaja dalam kebanyakan filemnya adalah disebabkan beliau ingin ‘membongkar’ aktiviti-aktiviti remaja seterusnya membuka mata masyarakat umumnya dan ibu bapa khususnya. Dengan kata lain, alasan tersebut sangat berkaitan dengan interpretasinya bahawa di sebalik persekitaran kehidupan sosial remaja ada mesej kemanusiaannya yang boleh dipelajari oleh penonton dan masyarakat. Penyataan Ahmad Idham disokong oleh Informan B dan Informan C dalam pernyataan berikut:

Sebab yang ramai tengok filem adalah remaja. Bila lihat graf cerita dia, akan nampak bagaimana ia memanusiakan manusia (Informan B).

Interpretasi dan alasan Ahmad Idham memaparkan persekitaran kehidupan sosial dalam memaknai representasi isu remaja juga menggambarkan wawasannya sebagai pengarah. Berikut pandangan para informan terhadap wawasan Ahmad Idham terhadap masa depan remaja:

Semua pengarah mempunyai wawasan tertentu, ada cerita yang ingin sampaikan pesan moral kepada penonton. Begitu juga Ahmad Idham apabila dia mengangkat filem remaja seperti “*Remp-it*” memang ada perkara yang hendak disampaikan, tapi dia lebih hendak menyampaikan yang dekat dan pada hari ini dikatakan oleh *reality* yang disukai oleh remaja. “*Remp-it*” adalah tentang *social reality* remaja. Dari situ dia berikan contoh moral yang

baik dan tak baik. Dan itu adalah wawasan Ahmad Idham untuk mengangkat moral remaja, misalnya dengan filem seramnya, aksi dan komedinya. Pada keseluruhannya dia ingin menyampaikan nilai moral remaja (Informan D).

Dapat dirumuskan bahawa kebanyakan informan telah melihat citra realis sosial Ahmad Idham berdasarkan kaedah beliau mendekati persekitaran kehidupan sosial remaja dan memaparkannya dalam filem. Selain atas alasan pasaran dalam industri perfileman, juga ada alasan tersendiri Ahmad Idham untuk ‘membongkar’ senario sebenar yang terjadi dalam kehidupan remaja kepada masyarakat sehingga akhirnya diharapkan dapat berfungsi sebagai suntikan moraliti remaja yang positif pada akhir naratifnya.

Citra realis sosial Ahmad Idham terlihat memfokuskan dan menonjolkan isu imej nilai-nilai kemelayuan yang semakin ‘bobrok’ dalam diri remaja Melayu terutamanya yang tinggal di bandar sehingga terjadinya keruntuhan akhlak dan krisis identiti diri dalam kalangan mereka. Secara tidak langsung cuba menyingkap dan membahas tentang persoalan rasa malu dalam watak-watak remaja Melayu dalam filmografinya. Berikut adalah antara kutipan dialog-dialog watak yang menggambarkan isu perasaan malu dalam diri remaja Melayu di bandar:

Irham: Cikgu, saya ni bukan apa, saya memang tak tahu langsung pasal agama ni. Saya dah cakap, saya malu, tapi itulah hakikatnya. Kadang-kadang Am malu dengan Iqmal, *even though* dia baru 8 tahun, tapi dia banyak tahu hal agama. Am nak buat macamana. Am dah lama kat luar negara. Am lupa hal agama ni. Apa yang Am tahu dalam IC Am, Am Islam. Entahlah Syu, *even my parent* pun tak pernah ajar soal agama.

Syuhadah: Syu selalu ingat apa Atuk cakap. Allah tidak akan mengubah nasib seseorang itu kalau orang itu tidak mengubah nasibnya sendiri. Maksudnya apakah kita ini nak jadi Islam hanya kerana faktor atau hanya kerana keturunan sahaja.

(*Syurga Cinta*, 2010)

Dialog Irham di atas merupakan suatu pengakuan Irham bahawa dia sangat buta agama dan malu kerana tidak mempunyai pengetahuan tentang agama Islam. Pengakuan tersebut menggambarkan isu agama dalam diri Irham adalah kerana kelemahan diri sendiri yang mudah terpengaruh dengan persekitarannya di United Kingdom. Juga meletakkan kesalahan pada ibu bapanya kerana tidak pernah mendidiknya dengan ilmu agama. Perasaan malu kerana kurang ilmu agama Islam terlihat pada watak Sofea dalam filem *Syurga Cinta*:

Sofea: Aleesya, I just nak berubah. I tak nak lagi hidup macam *my parent* lagi dah. Hidup macam ni ni bergelumang dengan dosa. Ya I memang Islam, tapi hanya dalam IC. Diri I sendiri kosong tentang Islam.

(*Aku Masih Dara*, 2010)

Dalam dialog Sofea di atas juga memperlihatkan bahawa sikap ingin berubah pada watak Sofea adalah kerana dia mulai berasa malu dengan dirinya yang hanya berstatus gadis Melayu Islam dalam kad pengenalan, tetapi cetek dan lalai dalam melaksanakan suruhan agama Islam. Pernyataan rasa malu merupakan perasaan rendah diri atau merasa segan silu terhadap kekurangan yang ada pada diri sendiri apabila dibandingkan dengan orang lain.

Dalam watak Irham dan Sofea memperlihatkan bahawa jelas sekali bahawa terdapat perkaitan yang rapat di antara konsep malu dan konsep akhlak dalam Islam dan akal budi serta hati budi Melayu.

Menurut Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah dan Ratna Roshida Ab Razak (2019) perkaitan asas yang dapat dikesan di antara konsep malu dan konsep akhlak, adalah kedua-duanya melibatkan unsur dalaman dan kejiwaan diri manusia yang memancarkan tingkah laku mengikut acuan dan kecenderungan jiwanya. Justeru, belajar berasa malu adalah langkah pertama ke arah menjadi matang untuk berkelakuan secara sopan dan menunjukkan sopan santun. Orang Melayu menyesuaikan diri mereka dengan situasi sosial kerana mengekalkan maruah keluarga adalah kunci menjaga maruah dan mendukung harmoni kumpulan. Jelaslah di sini Ahmad Idham ingin menyampaikan ideologinya bahawa perasaan malu merupakan salah satu warisan sifat keperibadian sosial masyarakat Melayu yang harus dikenalkan dan terus dipupuk. Konsep malu merangkumi sistem nilai kepercayaan dan kekuatan orang Melayu. Sebagai cerminan kehidupan sesebuah bangsa, malu juga merupakan satu daripada kerangka akhlak masyarakat Melayu.

Isu keruntuhan akhlak remaja Melayu di bandar yang semakin hanyut dengan nafsu keseronokan sehingga tidak sedar menghina kesucian malam Jumaat dan keperibadian remaja yang waraq dan isu keperawanahan gadis yang diremehkan dan penyelesaian ‘pak sanggup’ juga ditonjolkan oleh Ahmad Idham.

Alex: *Bro, nasib you memang baik. Malam ni malam Jumaat. Aweks banyak giler tu bro!*

Irham: *Kat UK everyday is Friday night.*

Zainal: *Wow! OK! OK! Jom minum, minum.*

(*Syurga Cinta*, 2009)

Hani: *Tapi kan, kalau ajaran Ustaz Firdaus tu menghalalkan, aku pun nak join, best apa, dapat tukar-tukar pasangan, dapat group sex.*

(*Aku Masih Dara*, 2010)

Hani: *Leesya, laki-laki zaman sekarang ni dah tak kisah kau dara ker tak. Kau layan jer dia orang dua tiga round atas katil. Lepas tu gerenti dia orang akan ambik kau jadi dia orang punya wife. Anyway, kau bagi tahu aku aku, kat KL ni mana perempuan still virgin?*

Aleesa: *Alah, zaman sekarang ni mana ada perempuan kahwin sebab cinta. Lagipun period ni dah lambat datang tau tak! Siapa lagi kalau bukan dia yang sanggup jadi pak sanggup?*

(*Aku Masih Dara*, 2010)

Isu keruntuhan akhlak yang sering ditonjolkan dalam filmografi Ahmad Idham secara jelas menyampaikan mesej moraliti dan ideologi realis sosialnya bahawa akhlak merupakan satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem kehidupan sosial yang berkait dengan kelakuan atau tingkah laku manusia yang menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk, dan betul atau salah dalam konteks ketauhidan kepada Allah SWT. Sebagaimana menurut Mohamad Hanafiah dan Che Yaacob (2020) kepercayaan dengan hasil tindakan manusia dipengaruhi oleh akhlak manusia itu sendiri.

Sikap realis sosial Ahmad Idham di sebalik representasi isu remaja Melayu melalui filmografinya adalah suatu hal yang perlu dihargai oleh masyarakat. Hal ini adalah kerana isu sosial remaja Melayu merupakan satu isu yang sering dibincangkan pada masa kini (Absha Atiah & Mohd. Isa, 2019). Sensitiviti dan naluri kemasyarakatan Ahmad Idham telah menonjolkan citra realis sosialnya bertindak sebagai pengkritik dan penilai masyarakatnya untuk mendedahkan isu sosial remaja Melayu di bandar sebagai ekspresi jiwa prihatinnya sebagai bangsa Melayu beragama Islam. Ia sejajar dengan pendapat Ghazali Din (2020) bahawa pengkarya seni memiliki naluri yang tajam dan perasa membongkar dan memperhalusi nasib bangsanya demi menuntut kebenaran. Seterusnya menyuarakan kepentingan dan masa depan masyarakat serta nilai-nilai kemasyarakatan secara jujur dan terus dari nalurinya supaya dapat diambil perhatian dan tindakan.

Ahmad Idham telah memperlihatkan bahawa ekspresi naluri kemasyarakatan adalah berkaitan dengan pengalaman atau pengamatan dipersekutarnya. Dalam hal ini, dapatlah dirumuskan bahawa filmografinya adalah medium untuk menyampaikan amanat dan pesanan terhadap realiti isu sosial dalam kalangan remaja khususnya, seterusnya kritikannya terhadap masyarakat sesuai dengan peranan filem yang memberi gambaran kehidupan dan pernyataan sosial. Terlihat usaha beliau bahawa filem dihasilkannya adalah bukan sekadar untuk dinikmati, difahami tetapi juga untuk dimanfaatkan oleh masyarakat untuk masa sekarang dan akan datang.

#### RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Rumusan yang ditemukan dari keseluruhan analisis kajian ini mendapati bahawa proses citra realis sosial di sebalik representasi isu remaja Melayu dalam filmografi Ahmad Idham terpilih menunjukkan falsafah Ahmad Idham bermula dari sumber isu remaja Melayu yang sedang berjalan dalam media dan masyarakat untuk dijadikan bahan penerbitan produksi filem. Langkah kedua adalah proses pemilihan atau seleksi sumber isu remaja Melayu yang bersifat komersil dan dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada penerbit. Dalam bahagian ini juga akan difikirkan tentang ‘apa yang hendak dibongkar’ melalui naratif isu remaja Melayu tersebut pada akhir naratifnya dan teknik narasi yang menarik dengan selera penonton remaja Melayu. Dalam bahagian ini terjadi proses interpretasi dan konstruksi interpretasi atau wawasan yang hendak disampaikan oleh Ahmad Idham.

Setelah strategi ditemui dan dipersetujui, olahan skrip dibuat. Pada bahagian ini Ahmad Idham akan menggunakan ‘psikologi terbalik’ (*reverse psychology*) untuk ‘membongkar isu remaja’. Naratif dan narasi kemudian motivasi diri diadun dengan elemen cinta pada watak-watak utama filem sebagai daya tarikan dan aset hiburan kepada penonton. Melalui elemen cinta akan diselitkan suntikan moral, etika dan ajaran agama Islam yang dapat digambarkan melalui watak-watak sehingga memberi kesan pada akhir cerita seterusnya dapat menyampaikan mesej moraliti kepada penonton umumnya dan penonton remaja khususnya. Hasil kajian ini telah merungkai rahsia bahawa Ahmad Idham membuktikan beliau adalah seorang pengarah yang mempunyai prinsip realis sosial melalui kaedah sosio-sinematik dalam filmografinya. Beliau telah memperlihatkan usaha untuk mengemukakan suatu gagasan persoalan representasi isu remaja Melayu Islam secara ambivalen, kerana ia merupakan suatu fenomena yang perlu dipaparkan dalam filem dan masyarakat harus akur untuk membincangkannya.

Sebagai kesimpulan, Ahmad Idham telah membuktikan bahawa representasi dalam filem seharusnya berlandaskan sesuatu sumber realiti sebenar kehidupan, dan dipaparkan dengan kaedah sosio-sinematik sebagai daya tarikan untuk penonton datang ke pawagam.

Alasan pengkaji melabelkan Ahmad Idham sebagai seorang pengarah filem yang mempunyai citra ‘realis sosial’ ialah kerana ia sejajar dengan gaya ‘kesan realiti’ dalam keempat-empat filem kajian ini yang sangat jelas terlihat kerana meningkatkan rasa untuk kita menyaksikan sesuatu yang nyata merentasi kawasan estetik. Juga, jelas terlihat bahawa faktor persekitaran remaja Melayu Malaysia di bandar telah banyak memberi kesan negatif terhadap pembentukan perwatakan watak-watak utama remaja Melayu dalam filem-filem arahannya.

Justeru, implikasi dasar kajian ini terikat dengan gagasan sinematik pengarah ini untuk menyantuni kemelut sosial remaja Melayu Islam di negara ini dan seterusnya menawarkan jalan penyelesaian. Hal ini memberi petunjuk jelas terhadap kefalsafahan Ahmad Idham sebagai seorang pengarah berfahaman ‘realis sosial’ yang harus mengharungi kritikan khalayaknya yang gagal menghadam subteks dan estetika filmografinya dengan tuntas dan bernes.

#### BIODATA

*Drs. Bambang Suhartono Mohd Said* ialah pelajar Ijazah Kedoktoran di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: bamsaid2164@gmail.com

*Wan Amizah Wan Mahmud* bertugas sebagai pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat dengan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Akademi TV3, Malaysian Institute of Integrative Media (MIIM), Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) dan Tetuan Sri Ram & Co. Email: wan\_amizah@ukm.edu.my

*Badrul Redzuan Abu Hassan* ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kajian Media dan Budaya. Email: brah@ukm.edu.my

## RUJUKAN

- Absha Atiah Abu Bakar, & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Azharul Azmir Kamarulzaman. (2010). Gandingan karyawan & pengurus muda: Masa depan sinema Malaysia. *Sinema & Industri*. <http://www.azharulazmir.com/2010/>
- Ayu Haswida Abu Bakar. (2015). Konsep tema ‘Islamik’ dalam ‘filem Islamik’ Syurga Cinta (2009). *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 167-185.
- Azlina Asaari, & Jamaluddin Aziz. (2013). Mencabar ideologi Maskulin: Wanita dan saka dalam filem seram di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 113-126.
- Burton, G. (2010). *Media and society: Critical perspectives*. UK: McGraw-Hill Education.
- Driscoll, C. (2011). *Teen film a critical introduction*. Berg Oxford.
- Ghazali Din. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepenggarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Hallam, J., & Marshment, M. (2000). *Realism and popular cinema (Inside popular film)*. Manchester University Press.
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. Sage; Open University.
- Haroon, R. (2020, October 25). A film about our nation's diversity may one day win an Oscar Best Picture award. *New Straits Times*.  
<https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/10/634977/film-about-our-nations-diversity-may-one-day-win-oscar-best>
- Hasliza Hassan. (2009, Julai 23). Filem tempatan perlu ada nilai tanggungjawab kemasyarakatan. *Berita Harian*.
- Hatta Azad Khan. (2010). *Karya besar sastera dan filem: Manifestasi maruah dan ketamadunan bangsa*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Henderson, L. (2007). Social issues in television fiction. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Jins Samsudin. (2014). *Filem Melayu: Citra budaya dan rakaman sejarah*. Kedah: UUM Press.
- Kellner, D. (1995). *Cultural studies, identity and politics between the modern and the postmodern*. Routledge.
- Langkjær, B. (2011). Realism as a third film practice. *Medie Kultur, Journal of Media and Communication Research*, 27(51), 40-54.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2021). The depiction of social realism in Yasmin Ahmad’s film: Talentime (2009). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 382-295.
- Noviani, R. (2011). Konsep diri remaja dalam film Indonesia: Analisis wacana atas film remaja Indonesia tahun 1970-2000-an. *Kawistara: Jurnal Ilmiah Sosial dan Humaniora*, 1(1), 1-102.
- Nurul Mariyah Azmi. (2007). *Representasi remaja Melayu di dalam masalah sosial mat rempit: Kajian kes terhadap filem Remp-It arahan Ahmad Idham* (Laporan Ilmiah). Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Abdullah Yusof, & Nor Adina Abdul Kadir. (2012). Film sebagai pemankin pembangunan peradaban Melayu-Islam modern. *Media Syari'ah Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 14(1), 145-181.

- Suhailah Zulkifly. (2018). Kesan filem Evolusi KI Drift, Abang Long Fadil, Remp-It dan Lu Mafia Gua Gangster terhadap pembentukan akhlak dan kesannya dalam pembentukan modal insan di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa Siri Ke-4*, hlm. 115-132.
- Utomo, P., & Sholihah, M. (2021). The effectiveness of using educational cinema techniques to increase students' self-confidence: An experimental research. *Journal of Professionals in Guidance and Counseling*, 2(2), 51-61.
- Wiley, N. (2003). Emotion and film theory. *Studies in Symbolic Interaction*, 26, 169-187.
- Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah, Ratna Roshida Ab Razak. (2019). Sifat malu dalam kerangka akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 231-244.